

PERTANDINGAN
REKAAN VIDEO PENDEK: MALAYSIA KITA, CERITA KITA SEMPENA SAMBUTAN
HARI MALAYSIA 2026
TERMA DAN SYARAT

Bank Muamalat Malaysia Berhad (Nombor Syarikat: 196501000376 (6175-W) (“BMMB”) dengan sukacitanya menganjurkan Pertandingan ‘REKAAN VIDEO PENDEK: MALAYSIA KITA, CERITA KITA SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2026’ bagi tujuan berinteraksi dengan pelajar Fakulti Komunikasi & Pengajian Media Universiti Teknologi MARA (UiTM) di kampus Shah Alam, Alor Gajah dan Rembau. Untuk melayakkan diri menyertai Pertandingan ini, peserta hendaklah mematuhi arahan penyertaan yang telah ditetapkan.

Peserta amat digalakkan untuk membaca dan memahami Notis Perlindungan Data Peribadi BMMB (“Notis”) sebelum menyertai Pertandingan ini. Dengan mengemukakan penyertaan dan memberikan data peribadi, peserta dianggap telah bersetuju dan memberikan kebenaran kepada terma dalam Notis tersebut, terma-terma Pertandingan ini serta pemprosesan dan pendedahan data peribadi selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Notis berkenaan boleh diakses melalui laman web rasmi BMMB di www.muamalat.com.my.

Tanpa menjejaskan mana-mana peruntukan dalam Notis tersebut, peserta dengan ini bersetuju dan memberikan kebenaran kepada BMMB untuk mengumpul, memproses dan menggunakan data peribadi mereka bagi tujuan berikut:

- a. Bagi pelaksanaan Pertandingan ini; dan
- b. Bagi tujuan promosi dan pemasaran oleh BMMB, termasuk tanpa had terhadap penggunaan dan/atau penerbitan sebarang maklumat yang dikemukakan semasa penyertaan, bahan temu bual, maklum balas dan gambar berkaitan dalam sebarang bentuk bahan pengiklanan atau media publisiti.

Tanpa menjejaskan perkara di atas, BMMB akan sentiasa melindungi data peribadi peserta dan peserta turut bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah berkaitan dengan Pertandingan ini tanpa sebarang bayaran atau pampasan.

Peserta boleh memilih untuk menarik balik kebenaran yang diberikan di atas dengan menghubungi BMMB melalui nombor telefon dan Alamat e-mel yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

I. TEMPOH PERTANDINGAN:

Pertandingan ini akan berlangsung dari **10 Julai 2026 – 30 Ogos 2026** dan dianjurkan secara dalam talian.

II. KELAYAKAN:

- Pertandingan ini terbuka hanya untuk pelajar semester satu hingga enam Fakulti Komunikasi & Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA di kampus Shah Alam, Alor Gajah dan Rembau.
- Penyertaan boleh dibuat sama ada secara individu atau berkumpulan. Bagi penyertaan berkumpulan, setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada maksimum tiga (3) orang peserta dan seorang wakil kumpulan hendaklah dinamakan semasa pendaftaran bagi tujuan komunikasi rasmi dengan BMMB.
- Semua pekerja/anak Syarikat BMMB serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik) adalah tidak layak untuk menyertai Pertandingan ini.
- Semua penyertaan mestilah kekal untuk diakses secara umum pada akaun media sosial peserta (Instagram/TikTok/Facebook) sepanjang tempoh Pertandingan untuk layak dinilai.

III. MEKANISME PERTANDINGAN:

Mekanisme Pertandingan ini diperincikan seperti berikut:

Cara Penyertaan:

1. Peserta hendaklah menghasilkan satu (1) video pendek bertemakan “**Malaysia Kita, Cerita Kita**” (“Video Penyertaan”) dengan mematuhi semua syarat dan kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur.
2. Video Penyertaan hendaklah dimuat naik oleh peserta di salah satu atau kesemua platform media sosial peserta berikut:
 - TikTok;
 - Instagram; atau
 - Facebook.
3. Peserta hendaklah:
 - a) menandakan (tag) akaun rasmi Bank Muamalat seperti berikut:
 - TikTok: @bankmuamalatmy;
 - Instagram: @mybankmuamalat; atau
 - Facebook: Bank Muamalat Malaysia Berhad; dan
 - b) menyertakan tanda pagar (hashtag) **#HariMalaysia2026** dan **#PeraduanBankMuamalat** dalam kapsyen hantaran.
4. Peserta hendaklah memastikan akaun media sosial yang digunakan bagi penyertaan ditetapkan kepada mod **Public** sepanjang tempoh Pertandingan bagi tujuan pengesahan dan penilaian penyertaan.

5. Peserta hendaklah melengkapkan borang penyertaan secara dalam talian melalui pautan yang akan disiarkan di laman khas Pertandingan pada laman web rasmi BMMB serta mengemukakan maklumat dan bahan penyertaan yang diperlukan sebelum tarikh tutup Pertandingan.
6. Setiap penyertaan mestilah mematuhi semua syarat penyertaan, termasuk keperluan kandungan, format video dan garis panduan yang ditetapkan. Penyertaan yang tidak lengkap atau tidak mematuhi syarat Pertandingan akan dibatalkan kelayakannya atas budi bicara mutlak BMMB.

Format Video:

1. Video Penyertaan hendaklah berdurasi tidak melebihi **empat (4) minit**.
2. Video Penyertaan yang terpilih sebagai pemenang hendaklah dihanatar dalam format **MP4** berdefinisi tinggi (*High Definition*) dengan nisbah aspek **9:16 (vertical)** dan resolusi minimum **HD**.
3. Video Penyertaan boleh dihasilkan dalam mana-mana gaya yang sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - a) dokumentari;
 - b) naratif (berdasarkan skrip);
 - c) drama pendek;
 - d) animasi; atau
 - e) apa-apa bentuk penceritaan kreatif lain yang bersesuaian dengan tema "**Malaysia Kita, Cerita Kita**".

Syarat Kandungan Video

1. Video Penyertaan digalakkan dihasilkan dalam Bahasa Kebangsaan.
2. Video Penyertaan mestilah merupakan hasil karya asli peserta dan tidak pernah dihantar untuk mana-mana Pertandingan lain.
3. Video Penyertaan tidak boleh dijana sepenuhnya menggunakan *Artificial Intelligence* (AI). Penggunaan AI hanya dibenarkan sebagai alat sokongan bagi tujuan tertentu seperti penyuntingan atau penambahbaikan visual, dengan syarat elemen kreativiti, pengarah dan input manusia yang signifikan dapat dibuktikan dalam penghasilan video tersebut.
4. Video Penyertaan tidak boleh mengandungi mana-mana kandungan yang diciplak atau melanggar hak harta intelek mana-mana pihak.
5. Video Penyertaan tidak boleh mengandungi sebarang bentuk promosi atau sokongan terhadap mana-mana produk perbankan atau perkhidmatan selain BMMB.
6. Video Penyertaan tidak boleh mengandungi unsur lucah, keganasan, perkauman, politik, keagamaan yang sensitif, fitnah atau apa-apa kandungan yang menyalahi undang-undang atau yang dianggap tidak sesuai oleh BMMB.
7. Semua individu yang dipaparkan dalam Video Penyertaan hendaklah berpakaian sopan dan mematuhi prinsip Patuh Syariah, termasuk menutup aurat dengan sempurna bagi peserta beragama Islam (lelaki/perempuan).

8. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala kos, perbelanjaan dan liabiliti yang berkaitan dengan penghasilan Video Penyertaan serta penyertaan mereka dalam Pertandingan ini.
9. BMMB berhak menolak atau membatalkan mana-mana penyertaan yang didapati tidak memenuhi mana-mana syarat yang ditetapkan di bawah Terma dan Syarat ini.

Ketidaklayakan:

- Kiriman yang dipadam, ditetapkan sebagai peribadi, atau tidak dapat diakses semasa fasa penilaian akan dibatalkan kelayakannya.
- Penyertaan yang tidak lengkap atau tidak mematuhi syarat akan dibatalkan kelayakannya atas budi bicara mutlak Bank Muamalat.

IV. PEMILIHAN PEMENANG:

1. Semua penyertaan yang layak akan dinilai oleh panel juri yang dilantik oleh BMMB.
2. Penilaian akan dibuat berdasarkan, antara lain:
 - a) keaslian dan kreativiti idea;
 - b) pematuhan kepada tema Pertandingan;
 - c) pematuhan kepada format video dan semua syarat penyertaan yang ditetapkan; dan
 - d) kualiti keseluruhan penyampaian kandungan.
3. Pemenang Kategori "People's Choice" akan dipilih berdasarkan jumlah gabungan tanda suka (likes), komen, perkongsian (shares) dan tontonan (views) pada tarikh tutup pertandingan atau berdasarkan mekanisme yang ditentukan oleh BMMB.
4. Bagi penyertaan berkumpulan, sebarang pengagihan hadiah dalam kalangan ahli kumpulan adalah tanggungjawab kumpulan tersebut.
5. Keputusan panel juri adalah muktamad. Sebarang rayuan, bantahan atau surat-menyerat berkaitan keputusan tersebut tidak akan dilayan.
6. BMMB berhak untuk tidak memilih mana-mana pemenang sekiranya tiada penyertaan yang memenuhi standard atau syarat yang ditetapkan.
7. BMMB berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana peserta sekiranya didapati memberikan maklumat yang tidak benar, melanggar mana-mana Terma dan Syarat Pertandingan.

V. HADIAH:

No	Kategori	Hadiah	No. Pemenang
1	Hadiah Utama	<ul style="list-style-type: none"> • Penajaan Program CSR bernilai RM10,000 bagi melaksanakan inisiatif komuniti dengan sokongan BMMB (tertakluk kepada kritirea kelayakan, jenis aktiviti yang diluluskan dan kategori penerima manfaat yang ditetapkan oleh BMMB) • Hadiah Wang Tunai bernilai RM5,000 	1 (secara individual atau berkumpulan)

		<ul style="list-style-type: none"> • Sijil Penghargaan • Peluang Penempatan Latihan Industri di Bank Muamalat Malaysia Berhad (syarat kelayakan dan proses pemilihan latihan industri yang ditetapkan oleh BMMB.) 	
2	Hadiah Kedua	<ul style="list-style-type: none"> • Hadiah Wang Tunai bernilai RM2,500 • Sijil Penghargaan 	1 (secara individual atau berkumpulan)
3	Hadiah Ketiga	<ul style="list-style-type: none"> • Hadiah Wang Tunai bernilai RM1,500 • Sijil Penghargaan 	1 (secara individual atau berkumpulan)
4	Hadiah Kategori "People's Choice"	<ul style="list-style-type: none"> • Hadiah Wang Tunai bernilai RM1,000 • Sijil Penghargaan 	1 (secara individual atau berkumpulan)
5	Hadiah Sagu Hati	<ul style="list-style-type: none"> • Baucar Tunai bernilai RM300 	6 (secara individual atau berkumpulan)

VI. PEMAKLUMAN PEMENANG:

Pemenang akan dimaklumkan melalui media social rasmi Bank Muamalat dan laman web www.muamalat.com.my dalam tempoh **tiga puluh (30) hari bekerja** selepas Pertandingan tamat.

VII. PENEBUSAN HADIAH:

1. Hadiah Pertandingan akan disampaikan semasa Majlis Penyampaian Hadiah bertempat di salah sebuah kampus UiTM (lokasi akan dimaklumkan kemudian).
2. Pemenang dikehendaki menandatangani Borang Pengesahan Penerimaan Hadiah sebagai bukti penerimaan dan persetujuan terhadap hadiah tersebut.
3. Semua hadiah yang ditawarkan adalah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan.
4. Bank Muamalat berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai setara.
5. Hadiah visual yang dipaparkan dalam risalah Pertandingan hanyalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

VIII. PERISYTIHARAN DAN KEBENARAN:

BMMB berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Pertandingan ini dengan memberikan notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan sebarang keraguan,

pembatalan, penamatan atau penangguhan Pertandingan oleh BMMB tidak akan melayakkan peserta untuk menuntut sebarang pampasan atau ganti rugi terhadap BMMB atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami secara langsung atau tidak langsung akibat tindakan tersebut, kecuali sekiranya disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku disengajakan oleh BMMB yang berkaitan secara khusus dengan Pertandingan ini.

Sekiranya Pertandingan ini tidak dapat diteruskan seperti yang dirancang disebabkan oleh virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa kebenaran, penipuan, kegagalan teknikal, tindakan pihak berkuasa termasuk tetapi tidak terhad kepada Perintah Kawalan Pergerakan, atau sebarang sebab lain di luar kawalan munasabah BMMB, maka BMMB berhak untuk menamatkan, menangguhkan, mengubah suai atau menangguhkan Pertandingan ini dengan notis awal yang munasabah sekiranya dapat dilaksanakan.

Semua peserta yang layak adalah bertanggungjawab secara peribadi untuk segala cukai, kadar, fi kerajaan atau caj lain yang dikenakan di bawah undang-undang yang berkenaan, jika ada, termasuk kos pemasangan yang berkaitan dengan hadiah dan Pertandingan ini.

Dengan menyertai Pertandingan ini, para peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini serta mana-mana terma dan syarat tambahan daripada agensi yang dilantik (jika ada). Peserta yang layak juga memberikan kebenaran yang boleh ditarik balik kepada BMMB untuk mendedahkan, menzahirkan dan memaklumkan maklumat berkaitan mereka kepada mana-mana pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penganjuran dan pengurusan Pertandingan ini. BMMB berhak untuk menerbitkan atau memaparkan nama dan gambar pemenang bagi tujuan pengiklanan dan publisiti. Segala borang penyertaan (jika ada), nama serta gambar pemenang akan menjadi hak milik BMMB.

BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kecederaan, kehilangan nyawa, kerosakan harta benda atau sebarang kerugian lain yang dialami oleh peserta sama ada secara langsung atau tidak langsung, keseluruhan atau sebahagian, hasil daripada penyertaan mereka dalam Pertandingan ini atau daripada hadiah yang dimenangi, kecuali sekiranya kerugian tersebut disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku disengajakan oleh BMMB yang berkaitan secara khusus dengan Pertandingan ini.

BMMB akan menguruskan Kempen ini dengan penuh perhatian dan mematuhi semua keperluan peraturan yang terpakai. Walau bagaimanapun, BMMB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan atau kegagalan untuk melaksanakan obligasinya akibat daripada peristiwa di luar kawalannya, termasuk tetapi tidak terhad kepada: bencana alam (acts of God), peperangan, rusuhan, mogok, penguncian (lock-out), tindakan industri, kebakaran, banjir, kegagalan teknikal atau sistem, pandemik, epidemik, tindakan kerajaan atau peristiwa serupa lain.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi terjemahan Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana risalah, bahan pemasaran dan

promosi yang berkaitan dengan Pertandingan ini, maka Terma dan Syarat ini akan mengatasi dokumen tersebut.

BMMB berhak dari semasa ke semasa, mengikut budi bicara mutlak, untuk meminda, menambah, memadam, mengubah atau mengemas kini mana-mana bahagian daripada Terma dan Syarat ini dengan memberikan notis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari lebih awal. Notis berkenaan akan dipaparkan di laman web rasmi BMMB di www.muamalat.com.my, di media sosial atau melalui mana-mana saluran lain yang dianggap sesuai oleh BMMB. Peserta yang telah mengambil bahagian dalam Pertandingan ini dianggap telah mengakses laman web BMMB dan mengetahui serta bersetuju dengan sebarang pindaan atau perubahan terhadap Terma dan Syarat ini. Penyertaan berterusan peserta selepas pindaan akan dianggap sebagai penerimaan terhadap Terma dan Syarat yang dikemas kini.

Segala keputusan oleh BMMB berkaitan dengan Pertandingan ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat, dan BMMB tidak akan bertanggungjawab untuk memberikan sebarang alasan atau melayan sebarang surat-menyurat berhubung perkara tersebut.

Terma dan Syarat ini ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut Undang-Undang Malaysia serta tertakluk kepada semua peraturan, perundangan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan pihak berkuasa berkaitan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Terma dan Syarat ini juga tertakluk kepada semua peruntukan berkuat kuasa di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA) dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan, Pencegahan Pembiayaan Aktiviti Terlarang dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA).

Semua pihak adalah dikehendaki untuk memahami dan mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (termasuk sebarang pindaan terhadapnya). Pihak Bank berhak untuk melaporkan sebarang tindakan atau aktiviti yang disyaki bersifat jenayah kepada pihak polis atau pihak berkuasa lain yang berkaitan serta termasuk menamatkan sebarang urusan niaga yang berkenaan.

Segala peruntukan, kuasa budi bicara dan hak yang diberikan kepada mana-mana pihak di bawah dokumen ini adalah tertakluk kepada prinsip Syariah.

Para peserta dialu-alukan untuk mendapatkan penjelasan daripada BMMB sekiranya terdapat mana-mana Terma dan Syarat ini yang tidak difahami sepenuhnya.

Untuk maklumat lanjut, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Pertandingan ini, sila hubungi Khidmat Pelanggan BMMB di +603-2600 5500. Sebagai alternatif, peserta juga boleh menghantar maklum balas dan/atau aduan melalui e-mel ke feedback@muamalat.com.my.

**TAMAT PERTANDINGAN
PERTANDINGAN REKAAN VIDEO PENDEK: MALAYSIA KITA, CERITA KITA
SEMPENA SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2026
TERMA DAN SYARAT**